

26/07/2001

Wanita dijangkiti HIV malu dapat rawatan

KUALA LUMPUR, Rabu - Ramai wanita yang disahkan dijangkiti HIV dikatakan enggan mendapatkan rawatan khas di hospital kerana malu penyakit mereka diketahui orang lain.

Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir, penghidap wanita berkenaan takut akan tanggapan masyarakat berhubung punca mereka dijangkiti penyakit itu.

"Kebanyakan wanita yang tidak mendapatkan rawatan di hospital kerajaan kemungkinan disebabkan mereka dilarang berbuat demikian selain perasaan malu yang menebal dan beralih kepada rawatan tradisional," katanya selepas majlis penyerahan sumbangan peralatan pengujian HIV/Aids oleh Roche Diagnostics (M) Sdn Bhd (Roche Diagnostics) kepada MAM. Turut hadir, Pengurus Besar Roche Diagnostics, Chang Wing Yong.

Pada majlis itu, Roche Diagnostics menyerahkan sumbangan RM400,000 merangkumi satu unit Cobas Amplicator, 10 kit ujian pemantauan Cobas Amplicator HIV-1 dan 30 botol Viracept, ubat antiretroviral.

Marina berkata, walaupun penghidap Aids dan pembawa HIV di kalangan wanita hanya antara satu hingga 10 peratus, namun bilangan sebenar tidak dapat dipastikan kerana mereka enggan mendapat rawatan.

"Melalui kes direkodkan Kementerian Kesihatan, penghidap HIV/Aids di kalangan wanita masing-masing ialah 2,158 (5.4 peratus) dan 353 (6.9 peratus) sehingga April lalu. Itu kes yang telah direkodkan," katanya.

Marina berkata, jika lebih ramai wanita mendapat rawatan, pihak terbabit dapat membantu pesakit berkenaan selain merangka rawatan pencegahan.

"Itulah sebabnya mengapa wanita yang mendapati diri mereka menghidap HIV/Aids perlu mendapatkan rawatan di hospital kerana pencegahan adalah lebih baik daripada ia terus dipindahkan kepada orang lain tanpa disedari," katanya.

(END)